




**LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**  
**BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA**



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142  
Fax: 603-26925680  
E-mail: info@bqsm.gov.my  
Website: www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: **DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM**  
DIMP,AMN,AMT,PJC  
Pendaftar: **Sr ABD SHUKOR BIN IBRAHIM**  
AMP, MIS (M)  
Setiausaha: **Sr RATNA MAHYUDDIN**  
FISM

**PEKELILING NO. 1/2008**

Tarikh : 8 April 2008

Kepada : Semua Juruukur Bahan Berdaftar  
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar  
Semua Juruukur Bahan Berdaftar Sementara  
Semua Firma Juruukur Bahan Perunding

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENGENAI SURAT ARAHAN  
PERBENDAHARAAN BERTARIKH 15 FEBRUARI 2008 MENGENAI  
KELULUSAN PENGGUNAAN SKALA FI BARU BAGI PROJEK-PROJEK  
FIZIKAL KERAJAAN**


Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) telah menerima maklumbalas bahawa pihak Kementerian Kewangan telah mengeluarkan satu Surat Arahan Perbendaharaan No. Rujukan S(K&B)(8.09)735/9-24 Jld (7) yang bertarikh 15 Februari 2008 mengenai Kelulusan Penggunaan Skala Fi Baru Bidang Arkitek dan Ukur Bahan Bagi Projek-Projek Fizikal Kerajaan.

Surat arahan tersebut di atas memaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan Skala Fi baru bagi pengiraan fi perkhidmatan perunding bidang Arkitek dan Ukur Bahan bagi projek-projek fizikal kerajaan. Pemakaian Jadual Skala Fi yang baru tersebut adalah berkuatkuasa mulai tarikh 15 Februari 2008 dan terpakai bagi semua perlantikan perunding yang diluluskan mulai tarikh tersebut. Sila ambil maklum bahawa Memorandum Perjanjian yang sedia ada masih berkuatkuasa kecuali skala fi ditukar dengan skala fi yang baru. Oleh itu selain dari pemakaian jadual skala fi baru semua kandungan sedia ada di dalam Memorandum Perjanjian BAM/JKR.FORM B (Revised 1/83) bagi Perlantikan Arkitek dan BQSM/JKR.FORM C (Revised 1/83) bagi Perlantikan Juruukur Bahan Perunding masih berkuatkuasa sehingga memorandum perjanjian baru diluluskan.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh melawat ke laman web Kementerian Kewangan di [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my) untuk memperolehi maklumat terperinci mengenai isi kandungan surat arahan tersebut di atas.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,



Abd Shukor bin Ibrahim  
Pendaftar  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia